

# Gaji terlebih perlu dipulang

BH 11 FEB 1992

KUALA LUMPUR, Isnin — Kakitangan kerajaan yang menerima gaji yang terlebih bayar perlu memulangkan semula bayaran itu berdasarkan prinsip 'hati mulia', kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahatir Mohamad.

Katanya, kerajaan akan menimbang secara adil perkara itu untuk memastikan tidak ada sesiapa dibebankan kerana ia membabitkan wang rakyat yang diamanahkan kepada kerajaan.

"Kalau duit kita bagi terlebih, kita kena bagi balik.

"Kalau tak bagi balik sekaligus, kita akan cari

jalan supaya tidak membebankan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, malam ini.

Sebelum ini dilaporkan lebih 25,000 kakitangan kerajaan menerima gaji melebihi daripada apa yang sepatutnya kerana kesilapan pemindahan tangga gaji sejak 10 tahun lalu.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Loke Yuen Yow, berkata mereka yang terlebih dibayar gaji berkemungkinan besar terpaksa membayarnya semula secara ansuran atau ditolak daripada wang pencen

bagi mereka yang akan bersara.

Bagaimanapun, katanya, pembayaran semula itu tidak akan dikenakan bayaran faedah.

Beliau berkata, kementerian sedang menjalankan penyiasatan untuk mengetahui perkara sebenar sebelum mengambil langkah selanjutnya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan 'Kursus Pengurusan Kewangan dan Akauntabiliti Dalam Perkhidmatan Awam' di sini, Loke berkata, tindakan pasti diambil terhadap pegawai yang cuai dalam pengiraan gaji itu bagi mengelaknya berulang.

Mengenai pengeluaran sehingga \$40,000 caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pembelian rumah, beliau berkata, kementeriannya mengamalkan sikap terbuka dan sentiasa mengawas keadaan terutama mereka terbabit.

Bagi pengeluaran maksimum caruman KWSP bagi pembelian rumah, beliau berkata ia perlu memenuhi tiga syarat, iaitu pembelian rumah berharga kurang \$200,000, mempunyai caruman tidak kurang \$88,888.89 dalam KWSP dan berupaya mendapatkan pinjaman lain (selepas ditolak jumlah \$40,000).